

buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



OKTOBER
2022



BREAST CANCER Awareness month

SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Noraini binti Shamsuddin

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

Cik Nik Nur Afiqah binti Nik Mohd Jalal

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu



Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100

09-622 0052

Fax : 09-622 1534

E-mel : ppat@trglib.gov.my

URL : <https://www.trglib.gov.my>



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



ppat@trglib.gov.my



ppaterengganu



PPAT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangkan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.



ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN

OKTOBER
2022

RUHANA BINTI MOHD NAFI
PEMBANTU OPERASI NII
BAHAGIAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN
(PD ANAK MUSANG)

TAHNIAH

Api yang menjulang-julang bermula dengan percikan api. Tindakan yang kecil menghasilkan kesan yang besar.



ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN

ALIAS BIN ABD RAHMAN
PEMBANTU OPERASI NII
BAHAGIAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN
(PAD SETIU)

OKTOBER
2022

TAHNIAH

Lihat apa yang ada di depan dengan pandangan luas dan bersemangat. Lihat ke belakang hanya menyempitkan usaha dan menjatuhkan semangat.

Penulis Terengganu

Ustazah Fatimah Syarha



DILAHIRKAN PADA 17 OKTOBER 1984.
BERASAL DARI KUALA TERENGGANU.

KARYA YANG DIHASILKAN

- PALESTIN KAMI DATANG!
- PETUA MEMBUAT ORANG JATUH CINTA
- DUHAI TEMAN SEJATIKU
- SEBARKAN CINTA-MU
- PEMILIK CINTAKU SETELAH ALLAH DAN RASUL
- ANAKKU SOLEH ANAKKU HEBAT
- PALESTIN TAK PERNAH GENTAR
- KISAH HAIWAN MAKKAH
- DAN SEBAGAINYA

ANUGERAH

- TEMPAT KETIGA SAYEMBARA MENGARANG SEMPENA JUBLI EMAS DBP (2006)
- 50 TOP MALAYSIAN BEST TITLES FOR INTERNATIONAL RIGHTS (KISAH HAIWAN MAKKAH & KISAH HAIWAN MADINAH)
- DINOBATKAN NOVELIS SAYEMBARA MENGARANG NOVEL REMAJA DBP (2006)
- DAN SEBAGAINYA.



KIOS BACAAN KOMUNITI SETEMPAT SMK SERI NILAM



Pada 20 Oktober 2022 bertempat di SMK Seri Nilam, PPAT telah memeterai satu perjanjian kerjasama dengan pihak sekolah dalam menjayakan Program Kemasyarakatan bagi mewujudkan 'Kios Bacaan Komuniti Setempat'. Kios yang diberi nama 'Miftahul Ilmi' ini ditempatkan di hadapan SMK Seri Nilam yang bertujuan untuk memupuk dan menyemai budaya membaca serta cinta kepada buku.

Komuniti setempat yang menggunakan laluan ke sekolah tersebut atau sesiapa sahaja dari pelbagai lokasi boleh datang ke kios untuk mengambil apa sahaja bahan bacaan yang dihajati tanpa sebarang syarat sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh PPAT melalui program 'Infaq Buku'.





PERTANDINGAN JEJAK SUKAN BERMAKLUMAT

Pada 26 Oktober 2022, Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu telah berkolaborasi dengan Sekolah Kebangsaan Bukit Perah, Hulu Terengganu bagi menganjurkan Pertandingan Jejak Sukan Bermaklumat. Program yang dianjurkan ini adalah bertepatan dengan Sambutan Hari Sukan Negara 2022 yang telah dirasmikan pada 8 Oktober 2022 yang lepas. Program yang berbentuk jejak maklumat ini adalah bertujuan untuk melatih setiap individu dalam mempelajari proses untuk mendapatkan maklumat.

Setiap kumpulan akan dibekalkan dengan beberapa tugas yang perlu diselesaikan melibatkan 7 lokasi berbeza. Sebanyak 10 kumpulan dengan penglibatan seramai 50 pelajar berjaya dibentuk bagi menyertai aktiviti ini.





PESTA BUKU @PPAT 2022



Pesta Buku @PPAT 2022 telah diadakan pada 26 – 31 Oktober 2022 bertempat di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu bermula dari jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 10.00 malam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.B Dato' Haji Yahaya bin Ali, Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 27 Oktober 2022 (Khamis).

Kejayaan penganjuran Pesta Buku @PPAT 2018, 2019 dan 2020 yang lalu menjadi pendorong kepada pihak PPAT untuk terus memperkasakan amalan membaca di kalangan masyarakat di negeri Terengganu dengan menjadikan Pesta Buku @PPAT sebagai acara tahunan.

Sesuai dengan objektif penganjuran untuk memupuk tabiat suka membaca sebagai kegiatan yang sihat bagi membentuk sahsiah diri dan pengayaan minda, sebanyak 54 penerbit dan pembekal buku telah menyertai Pesta Buku @PPAT 2022. Potongan diskaun sehingga 25% bagi bahan bacaan turut diadakan untuk menarik minat dan memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat memilih bahan bacaan yang relevan dengan harga yang berpatutan.





Selain daripada jualan buku, terdapat juga pameran daripada beberapa agensi antaranya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN), YaPEIM, Aman Palestin dan Semakan Wang Tidak Dituntut (WTD). PPAT turut mengadakan beberapa aktiviti sampingan bagi memeriahkan sepanjang Pesta Buku @ PPAT 2022 berlangsung. Sepanjang Pesta Buku @PPAT 2022 berlangsung, pelbagai tawaran menarik telah disediakan untuk para pengunjung antaranya jualan kilat bagi bahan bacaan terpilih dengan tawaran diskaun.

Lebih membanggakan lagi, penganjuran Pesta Buku @PPAT 2022 telah berjaya meningkatkan jumlah pengunjung sebanyak 18.53% berbanding pada tahun 2020. Keadaan ini juga turut membantu kepada peningkatan pendaftaran keahlian baharu dan pinjaman buku PPAT. Rata-rata pengunjung Pesta Buku @PPAT 2022 mengharapkan agar penganjuran seperti ini dapat diadakan setiap tahun bagi merancakkan industri buku serta memberi lebih peluang kepada para pengunjung untuk mendapatkan pelbagai jenis bahan bacaan dengan harga yang berpatutan.



A photograph of a mosque interior with a man in the foreground. The man has a long grey beard and is wearing a grey cap and a dark jacket. He is looking out towards the left. The background shows the interior of a mosque with tall, slender columns and arched doorways. Light is streaming in from the left, creating a bright path on the floor. The overall atmosphere is serene and contemplative.

“

Wahai manusia! Sungguh, telah datang kepadamu pelajaran (Al-Qur'an) dari Tuhanmu, penyembuh bagi penyakit yang ada dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang yang beriman.”

(QS. Yunus: 57).



MERUPAKAN SATU GERAKAN POSITIF UNTUK MENYATUKAN ORANG RAMAI DI MANA-MANA SAHAJA MEREKA BERADA UNTUK SAMA-SAMA MEMBENDUNG PENYAKIT KANSER YANG KIAN MENINGKAT.

PADA TAHUN 2020, KANSER ADALAH PENYEBAB KEMATIAN KEEMPAT PALING PENTING DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (11.568%) DAN PENYEBAB KEMATIAN PALING PENTING DI HOSPITAL-HOSPITAL SWASTA (34.95%).

HARI KANSER SEDUNIA



BULAN KESEDARAN
**KANSER
PAYUDARA**

5 KANSER UTAMA MENGIKUT JANTINA DI MALAYSIA :



1. KOLOREKTAL (16.9%)
2. PARU-PARU (14.9%)
3. PROSTAT (8.1%)
4. LIMFOMA (6.6%)
5. NASOFARINKS (6.5%)

1. PAYUDARA (33.9%)
2. KOLOREKTAL (10.7%)
3. PANGKAL RAHIM (6.2%)
4. OVARI (5.6%)
5. PARU-PARU (5.6%)



FAKTA KANSER PAYUDARA DI MALAYSIA



Kanser Payudara Adalah
Kanser Paling Kerap
(Nombor 1 Tertinggi)
Berlaku Di Malaysia

Merangkumi
17%
Daripada Keseluruhan
Kanser Di Malaysia

Kadar Insiden :
31.1 PER 100,000
Penduduk Paling Tinggi
Di Kalangan Wanita
Bangsa Cina Diikuti
bangsa Melayu
dan India

43%
(Nombor 1 Tertinggi)
Daripada Keseluruhan
Kanser Yang Dialami
Wanita Malaysia

BERTINDAK SEGERA

Kenali gejala dan
tanda awal kanser

Jalani ujian saringan
untuk mengesan
kehadiran kanser

Dapatkan rawatan
yang baik dan
sembuh sepenuhnya

Cegah kanser,
amalkan gaya
hidup sihat

Bulan Kesedaran KANSER PAYUDARA



Wan Farah Najwa (23)

Masyarakat hari ini ramai yang tidak mempedulikan kesihatan terutama penyakit kanser disebabkan kesibukan bekerja. Justeru itu, kempen atau program yang berkaitan perlu digerakkan dengan sewajarnya.

Azlinawati binti muda (40)

Kanser payudara merupakan kanser yang paling kerap berlaku di Malaysia ke atas golongan wanita. Di Malaysia, Kanser payudara dianggap sebagai kanser biasa dan kebanyakan wanita menganggap ia penyakit tidak berbahaya sehingga mereka sering mengabaikannya. Rata-rata kaum wanita menyedari akan kesannya apabila telah berada di peringkat akhir.



Mohd Faizan Anas Bin Jusoh (35)

Kempen kesedaran Kanser adalah satu inisiatif yang sangat positif dan mampu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan mencegah, membendung, merawat dan mengenalpasti gejala kanser terutamanya kanser payudara yang menyerang 1 dalam 30 wanita di Malaysia. Marilah bersama-sama menjadi individu prihatin untuk mengawal dan menangani kanser.




Najihah shamilah binti zulkifli (27)

Kanser payudara adalah kanser yang paling biasa dikalangan wanita di Malaysia. Ini mungkin kerana masyarakat tidak mengambil berat dalam penjagaan diri di peringkat awal. Oleh itu, satu langkah penjagaan rapi perlu diberikan supaya peratusan pesakit dapat dikurangkan.





PERPUSTAKAAN DESA BUKIT BADING, HULU TERENGGANU



Perpustakaan Desa Bukit Bading adalah sebuah perpustakaan yang terletak di satu perkampungan Felda. Perpustakaan Desa pada hari ini masih relevan dalam memainkan peranannya bagi membolehkan masyarakat luar bandar menikmati kemudahan pembacaan dengan prasarana ilmu yang lengkap dan menyeluruh. Pada masa yang sama, perpustakaan turut membantu meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar melalui penyediaan bahan bacaan yang terkini.



Encik Mat Karim Bin Mamat
Pengerusi, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)

Menurut Encik Mat Karim Bin Mamat, Pengerusi, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), kesedaran bahawa pentingnya ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat juga dapat dipupuk melalui penubuhan pusat pembelajaran seperti ini. Seramai hampir 3000 orang penduduk di sini telah disediakan dengan pelbagai kemudahan lain seperti Pusat Dalam Komuniti (PDK) dan Pusat Komuniti bagi memastikan kesejahteraan masyarakat. Penduduk Kampung Bukit Bading juga sangat aktif dengan persatuan seperti Gabungan Pergerakan Wanita (GPW) yang mana lebih menumpukan kepada kerja-kerja sukarelawan dan kemasyarakatan penduduk Felda Bukit Bading. Melalui Program Pembangunan Peneroka (PPP), penduduk kampung juga

berpeluang untuk melibatkan diri dalam bidang ekonomi yang berasaskan pertanian dan penternakan seperti perusahaan ternakan lebah kelulut dan penternakan ikan air tawar.



Pusat Dalam Komuniti (PDK)



Gabungan Pergerakan Wanita (GPW)



Penternakan ikan air tawar

Lokasi Perpustakaan yang berada bersebelahan dengan Masjid Kampung Bukit Bading dan Sekolah Rendah LKTP Bukit Bading adalah sangat strategik dan menjadi tumpuan kepada para pelajar. Pihak perpustakaan juga sentiasa aktif mengadakan pelbagai aktiviti pada setiap hujung minggu dan juga program-program yang berskala besar bagi merancakkan lagi fungsi perpustakaan. Masyarakat kampung turut bersama-sama terlibat melalui persatuan-persatuan yang ada bagi memberi sokongan kepada perpustakaan dalam merencanakan sebarang aktiviti dan program berbentuk usahasama.

Pengerusi JPKK juga melontarkan harapan agar perpustakaan desa ini lebih segar dan seiring dengan dunia teknologi dan komunikasi maklumat masa kini. Selain itu, kemudahan capaian internet juga perlu diwujudkan di perpustakaan. Semoga dengan sokongan masyarakat kampung dan penglibatan semua akan lebih menampakkan lagi peranan Perpustakaan Desa yang telah wujud pada hari ini.



Pentas 'Port Budak FELDA'



Ternakan lebah kelulut

buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU**

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2022 Hak Cipta Terpelihara



www.trglib.gov.my